KETUA SETIAUSAHA
(*SECRETARY GENERAL*)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
(*MINISTRY OF RURAL AND REGIONAL DEVELOPMENT*)
ARAS 9, BLOK D9, PARCEL D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62606 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel : 03-8886 3501
Fax : 03-8889 2104
Web : http://www.ruralli

KKLW.UPA.100-0/8 (1)

19 Oktober 2005

Semua Setiausaha Bahagian
Ketua Pengarah KEMAS
Ketua Pengarah JHEOA
Pengarah INFRA
Semua Ketua Agensi

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
BIL. 5 TAHUN 2005

PAPAN TANDA SERAGAM UNTUK PROGRAM PEMBANGUNAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan semua Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) mengenai penggunaan papan tanda yang seragam terhadap program dan projek yang dilaksanakan. Melalui penyeragaman papan tanda ini diharapkan orang ramai mendapat maklumat jelas bahawa program atau projek berkenaan adalah projek Kerajaan yang dilaksanakan oleh KKLW.

2. LATAR BELAKANG

KKLW mendukung hasrat dan objektif sebagai pemangkin usaha pembangunan dan pemodenan luar bandar dengan melaksanakan pelbagai program dan projek supaya kawasan luar bandar menjadi maju, menarik dan menguntungkan

masyarakat. Pelaksanaan program pembangunan ini akan membolehkan penduduk luar bandar merasai nikmat pembangunan dan secara tidak langsung membuktikan komitmen Kerajaan untuk membangun dan memajukan luar bandar.

Ke arah meningkatkan imej Kerajaan dan KKLW khasnya, penonjolan imej adalah penting. Sehubungan itu, pembinaan papan tanda di sesuatu tempat yang terdapat program atau projek Kementerian perlu diberi perhatian.

Walau bagaimanapun, pada masa ini papan tanda yang dipasang pada program dan projek KKLW tidak seragam. Terdapat juga beberapa projek yang tidak ditandakan sehingga masyarakat tidak mengetahui projek tersebut dilaksanakan oleh KKLW.

3. PELAKSANAAN

3.1 Papan Tanda Seragam

Selaras dengan hasrat memberikan maklumat yang jelas dan penonjolan imej serta identiti KKLW, semua program dan projek yang dilaksanakan oleh Bahagian, Jabatan dan Agensi KKLW hendaklah didirikan papan tanda seragam yang ditetapkan oleh Kementerian.

Papan tanda seragam yang ditetapkan ini terbahagi kepada sembilan jenis mengikut program (bukan projek) iaitu:

a. Gerakan Daya Wawasan,
b. Medan Infodesa,
c. Program Pembangunan Masyarakat Setempat,
d. Program Ameniti Sosial,
e. Program Prasarana Desa,
f. Program Utiliti Desa,
g. Program Ekonomi Desa,
h. Program Pelancongan Desa, dan
i. TASKA/TABIKA.

3.2 Kandungan Papan Tanda

Papan tanda ini mengandungi beberapa ciri dan identiti tertentu termasuk asas penggunaan warna. Penetapan warna sebahagian besarnya berdasarkan komponen warna bendera Jalur Gemilang iaitu biru, kuning, merah dan putih seperti berikut (rujuk juga ***Lampiran 1)***:

a. Jata Negara - Lambang Negara Malaysia (berlatar belakang PUTIH),
b. Nama Program (PUTIH),
c. Jalur Gemilang (warna penuh),
d. Nama dan logo Jabatan/Agensi (KUNING),
e. Nama Kementerian (PUTIH),
f. Nama kampung/tempat (PUTIH),
g. Latar belakang *artwork* pemidang (BIRU),
h. Rangka tiang dan belakang pemidang (KELABU), dan
i. Jubin lantai papak (*MAROON*).

3.3 Saiz Papan Tanda

Papan tanda ini dibuat dalam dua kategori saiz iaitu:

A. **Kategori A** ~ 4' - 0" Lebar x 7' - 6" Tinggi, dan
B. **Kategori B** ~ 2' - 6" Lebar x 6' - 0" Tinggi.

A. Papan tanda **Kategori A** berdasarkan spesifikasi pada ***Lampiran 2*** digunakan untuk Program berikut :

a. Gerakan Daya Wawasan.
b. Medan Infodesa.
c. Program Pembangunan Masyarakat Setempat.
d. Program Ameniti Sosial.

B. Papan tanda **Kategori B** pula berdasarkan spesifikasi yang dihuraikan dalam ***Lampiran 3*** digunakan untuk Program berikut :

a. Program Prasarana Desa.
b. Program Utiliti Desa.
c. Program Ekonomi Desa.
d. Program Pelancongan Desa.
e. TASKA/TABIKA.

3.4 Papan Tanda Bagi Program Jabatan/Agensi

Papan tanda bagi program Jabatan/Agensi yang menggunakan peruntukan sendiri bolehlah meletakkan logo korporat dan nama Jabatan/Agensi pada papan tanda berkenaan. Sekiranya Jabatan/Agensi menjadi pelaksana yang mana peruntukan diberikan oleh Kementerian, logo korporat dan nama agensi tidak boleh diletakkan.

Sekiranya program Jabatan/Agensi berlainan daripada yang ditetapkan pada para **3.1**, maka program tersebut bolehlah digunakan tetapi perlu merujuk dan mendapat persetujuan Kementerian bagi menetapkan nama program. Reka bentuk rangka dan ***"artwork"*** seragam papan tanda hendaklah dipatuhi.

3.5 Kos Membuat Papan Tanda

Kos membuat dan mendirikan papan tanda hendaklah dimasukkan dalam kos projek.

Walau bagaimanapun, projek yang telah sedia mempunyai papan tanda dan masih dalam keadaan baik tidak perlu ditukar dengan papan tanda baru.

Namun begitu, papan tanda yang sudah uzur dan dalam keadaan yang boleh menjejaskan imej Kementerian hendaklah ditukar segera sekiranya kedudukan kewangan sedia ada mengizinkan.

4. CONTOH *"ARTWORK"* PAPAN TANDA

Dilampirkan beberapa contoh ***"artwork"*** seperti ***Lampiran 4A*** hingga ***Lampiran 4R***.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

6. PEMAKAIAN OLEH AGENSI

Pekeliling ini adalah meliputi semua jabatan dan agensi di bawah KKLW.

Sekian, terima kasih.

(DATO' DR. MOHD. TAP BIN SALLEH)

s.k. Timbalan Ketua Setiausaha (Sosial)
Timbalan Ketua Setiausaha (Ekonomi)
Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan)